

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 5 OKTOBER 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 10

Struktur semula subsidi bahan bakar manfaat jangka panjang

Struktur semula subsidi bahan bakar beri manfaat jangka panjang

• Antara sebab utama perlu penstrukturkan semula dasar subsidi bahan bakar adalah keperluan perbelanjaan untuk pembangunan negara semakin meningkat termasuk pelaburan dalam infrastruktur, modal insan, kesejahteraan sosial dan pemerkasaan masyarakat

• Penstrukturkan semula subsidi bahan bakar bukan sekadar keputusan kewangan, sebaliknya langkah penting ke arah kestabilan ekonomi, kesihatan alam sekitar dan pembangunan mampan



Oleh Dr Muhammad Armi
bhrenanca@bh.com.my

Ketua Jaringan Industri,
Universiti Kuala Lumpur
(Unikl)

Isu subsidi bahan bakar, terutama petrol dan diesel tidak difaikan menjadi isu hangat dalam kalangan rakyat di negara ini termasuk pembudayaan dan ahli ekonomi. Pada tahun lalu sahaja, Malaysia menghabiskan hampir RM28 bilion dengan matlamat utama mengekalkan harga petrol dan diesel sekitar dua pertiga daripada harga pasaran.

Paling penting, ia dihadarkan untuk menampung perbelanjaan berkaitan logistik dan pengangkutan rakyat serta kawalan kos operasi syarikat di negara ini.

Justeru, kita perlu melihat keperluan penstrukturkan semula subsidi bahan bakar; kesan mungkin berlaku dan strategi digunakan negara mahu untuk mengatasi cabaran berhakim peringkat kos sara hidup serta perbelanjaan operasi perniagaan.

Kita juga perlu meninjau impak penting terhadap alam sekitar berkaitan subsidi bahan bakar, termasuk kesan terhadap kualiti udara dan perubahan iklim global.

Subsidi bahan bakar ketika kali pertama diperkenalkan dulu, bertujuan mengawal inflasi, mengurangkan kos sara hidup dan memberi sokongan kepada perniagaan tempatan. Dasar ini penting dalam mengekalkan daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan asing dalam jangka panjang.

Bagaimanapun, dengan perubahan cabaran perniagaan global semakin dinamik, konflik di antara bangsa dan pengenalan teknologi mesra alam terbaharu serta efisien, kita perlu menilai semula kelestarian subsidi ini dan mencari alternatif untuk mencapai kestabilan ekonomi.

Ini juga mustahab dalam menitikberatkan tanggungjawab alam sekitar sejajar Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) bagi kelestarian kehidupan manusia sendiri.

Antara sebab utama penstrukturkan semula dasar subsidi bahan bakar adalah keperluan perbelanjaan untuk pembangunan negara semakin meningkat. Ini termasuk pelaburan dalam infrastruktur, modal insan, kesejahteraan sosial dan pemerkasaan masyarakat.

Dengan mengalihkan dana besar kini digunakan untuk subsidi bahan bakar, kerajaan dapat menyediakan kestabilan kewangan kepada keluarga merujukan, termasuk bantuan tunai kepada isi rumah dengan anak sedang membesar, selain warga emas yang sudah berbakti kepada negara.

Contohnya, Jepun memberikan JPY15,000 (RM450)

sebulan kepada setiap anak secara langsung ke akuan penjaga mereka. Pendekatan ini menjadikan jaminan sosial dan rangsangan ekonomi mampan serta berkekalan.

Jika kerajaan memperuntukkan RM100 sebulan kepada semua 2.7 juta pelajar sekolah rendah tanpa mengambil kira latar belakang keluarga, jumlah perbelanjaan keseluruhan kira-kira RM3.3 billion setiap tahun, hanya sebahagian kecil daripada RM28 billion yang kini dihabiskan untuk mengekalkan harga bahan bakar awam, bahkan lebih rendah daripada RM5 billion diperuntukkan sebelum krisis perang di Ukraine.

Sejauh konsep Malaysia MADANI

Kaedah ini juga tidak memerlukan sistem kompleks seperti Pangkalan Data Utama (PADU) untuk seniasa beraksi. Langkah ini bersesuaian dengan konsep Malaysia MADANI bermartabatkan pemerkasaan ekonomi dan penjagaan kesejahteraan insan secara rata. Kesan segera dapat diperhatikan ialah penggalakan kenderaan dengan pembakaran efisien.

Dengan penstrukturkan semula subsidi, industri automotif boleh digalakkan untuk memberi tumpuan kepada penghasilan kenderaan lebih berkesan dari segi tenaga dan mesra alam.

Ini akan merangsang permintaan terhadap kenderaan elektrik (EV), kenderaan hibrid (HEV), dan kenderaan hibrid berplug-in (PHV) serta mencipta peluang perniagaan baharu.

Berdasarkan kajian awam, kenderaan seperti HEV mampu bergerak hingga 25 kilometer bagi setiap liter manakala kenderaan PHV pula 40 kilometer setiap liter petrol. Namun, tidak mendapat permintaan disebabkan pengiraan kos pemilikan.

Kesan lain adalah peningkatan penggunaan pengangkutan awam. Harga bahan bakar murah men-

dorong pengguna melebihkan penggunaan kendaraan peribadi dan mengurangkan penggunaan pengangkutan awam.

Akibatnya, usaha kerajaan meningkatkan pengangkutan awam menghadapi halangan. Dengan menyusun semula subsidi, kerajaan dapat melabur dalam infrastruktur perkhidmatan pengangkutan awam berkesan dan berkualiti, mengurangkan kesesakan lalu lintas serta pelepasan karbon, selain mencegah pencemaran air.

Kesan seterusnya ialah peningkatan penghasilan tenaga lemah diperbaharui. Penstrukturkan semula dana subsidi juga dapat membuka jalan untuk peningkatan pelaburan dalam sumber tenaga boleh diperbaharui menjadikannya lebih menarik dari segi ekonomi.

Kesan ini dapat dilihat dengan lebih langsung apabila lebih banyak kenderaan EV diadaptasi di jalanan raya di negara ini. Ia dapat membantu mengurangkan impak pembakaran bahan bakar terhadap perubahan iklim global dengan hasil lebih baik untuk keterjaminan makanan, kesihatan awam dan generasi masa depan.

Kesan jangka panjang dapat dilihat selepas penstrukturkan ini ialah peningkatan kualiti udara. Harga bahan bakar disubsidi merangsang penggunaan lebih banyak bahan bakar dan menggalakkan gaya pemanduan kurang efisien.

Akibatnya, ia menyebabkan peningkatan pelepasan gas pencemar seperti karbon monoksida, nitrogen oksida dan zarah halus 2.5 mikron (PM2.5). Dengan menyusun semula subsidi, kerajaan dapat mengurangkan penggunaan bahan bakar, meningkatkan kualiti udara dan menjimatkan kos pengangkutan awam dalam jangka panjang.


Penstrukturkan semula subsidi bahan bakar bukan sekadar keputusan kewangan, sebaliknya langkah penting ke arah kestabilan ekonomi, kesihatan alam sekitar dan pembangunan mampan.

Mengalihkan dana ini kepada pembangunan negera, udara lebih bersih, kenderaan lebih cekap tenaga, pengangkutan lebih mampan, tenaga boleh diperbaharui dan mengurangkan kesan perubahan iklim bagi memastikan masa depan lebih cerah.

Pentingnya inklusiviti dalam dasar ini juga harus ditekankan dengan kekayaan dan kemakmuran negera harus dinikmati semua tanpa mengira latar belakang.

Kini masa terbaik untuk membuat dasar memberi tumpuan kepada kepentingan nasional jangka panjang berbanding kelegaan ekonomi jangka pendek.

Manfaat penstrukturkan semula subsidi bahan bakar jauh lebih besar daripada cabarannya.



Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH